



Lengkapkan ayat dengan kata perintah jawapan yang betul.

1. _____tuangkan saya segelas jus oren.
2. "_____pasangkan wayar di belakang televisyen ini," kata kakak kepada rakannya.
3. "_____main dengan alat-alat yang tajam itu," tegah emak kepada adik.
4. "_____perhatian murid-murid, bawalah alat melukis kamu pada hari esok," kata Cikgu Seroja.
5. _____masuk ke dalam bilik Encik Lim," kata setiausaha itu.
6. _____membuat perkara yang menyusahkan orang lain.
7. "_____Kejadian sebegini tidak akan berulang lagi," kata bapa budak itu.
8. "_____ganggu kawan kamu yang sedang belajar di dalam kelas," nasihat Cikgu Teng kepada murid-muridnya.
9. "_____kalian bersabar, persembahan akan bermula sebentar lagi," kata pengacara majlis.
10. "_____daftarkan diri di sini dan _____beri perhatian semasa sesi taklimat," kata pegawai kepada semua peserta kursus itu.
11. "_____letakkan buku yang dibaca di tempat asal," kata Helmi kepada rakan-rakannya.
12. "_____bercakap kuat-kuat kerana akan mengganggu pesakit," kata jururawat itu kepada Adli.
13. _____penduduk di kawasan pedalaman itu akan menerima bekalan air dan elektrik kelak.
14. _____percaya akan khabar angin yang belum tentu sahih kebenarannya.
15. "_____pijak rumput ini," kata nenek kepada cucunya.

